

'Kami kena banjir kilat 10 kali'

Oleh A. JAILANI ABDULLAH

SEGAMPUT 26 Nov. - Kejadian banjir kilat seperti sesuatu yang normal yang perlu dihadapi penduduk-penduduk berhampiran masjid di Kampung Segambut Dalam di sini tetapi kebelakangan ini semakin kerap dan buruk daripada yang terdahulu.

Sehubungan itu mereka berharap sesuatu dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) agar kejadian banjir tidak berulang dan mereka boleh hidup dengan tenang.

Penduduk mendakwa, banjir kilat di kampung mereka berpunca daripada projek pembangunan kondominium di atas bukit berhampiran.

Sewaktu lawatan kerja Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng ke kampung itu baru-baru ini, penduduk memberitahu bahawa kejadian banjir paling buruk berlaku ketika hari raya Oktober lalu.

"Waktu itu, kebanyakan penduduk tiada di sini kerana menyambut raya di tempat lain. Banyak barangan rosak pada waktu itu," kata seorang penduduk, **Che Hassan Che Nob**, 62.

Terdapat kira-kira 150 keluarga mendiami kampung itu.

"Pada masa itu, bukan hanya rumah yang dimasuki air tetapi juga masjid kampung ini.


"Seingat saya sudah 10 kali banjir kilat berlaku di sini. Setiap kali hujan lebat kampung ini akan dilanda banjir," ujarnya.

Ujarnya, sistem perparitan yang tidak pernah mengalami perubahan sudah tidak mampu lagi untuk menampung jumlah air yang banyak akibat projek pembangunan pesat di sekeliling kampung itu.

Sambil menunjukkan sebatang anak sungai bersimen kira-kira 1.5 meter lebar yang melalui celah-celah rumah di kampung itu, **Che Hassan** berkata, parit itu juga semakin cetek akibat mendapan pasir, batu kecil dan lumpur.

"Dahulu, air yang mengalir dalam parit ini jernih dan menjadi sumber kami untuk mendapatkan bekalan air bagi kegunaan termasuk memasak. Kini ketidaksiannya terlalu kotor untuk kegunaan pembangunan kondominium di kampung ini," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Maswan Dorjob**, 55, berkata, air yang mengalir dari tapak projek kondominium itu mengalir dengan deras dan banyak ke dalam anak



LIM LIP ENG

SEORANG penduduk Kampung Segambut Dalam, Segambut melintasi longkang yang tidak pernah dinaik taraf untuk menampung pertambahan jumlah air apabila hujan, yang didakwa datang dari tapak projek kondominium berdekatan.

- Gambar NASIRRUDDIN YAZID

sungai berkenaan yang dipanggil mereka Sungai Toba yang tidak mampu menampung jumlah air yang meningkat setiap kali hujan lebat melanda ibu negara.

Katanya, air dari anak Sungai Toba akan mengalir ke sungai besar, Sungai Keruh dan seterusnya ke Sungai Gombak tetapi apabila hujan lebat anak sungai itu tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

Mengakui kampung itu kerap dilanda banjir sebelum projek pembangunan itu dijalankan, seorang lagi penduduk, **Shamsul Anwar** berkata, mereka sudah kerap membuat aduan kepada DBKL dan agensi

lain namun tindakan mereka umpama 'mengadu kepada dinding'.

Ujarnya, wakil DBKL pernah melawat kampung berkenaan ketika banjir besar yang berlaku di Lembah Klang beberapa tahun lalu tetapi tiada sebarang tindakan susulan dilakukan mereka selepas itu.

"Kami berharap tindakan susulan akan dilakukan oleh pihak berkenaan iaitu membesarkan longkang bagi memudahkan air sungai mengalir kerana pastinya kita tidak boleh menghalang air dari terus mengalir.

"Kami juga telah menjalankan usaha

sendiri dengan membina benteng pasir tetapi apabila hujan lebat benteng ini roboh.

"Jadi, jalan paling selamat ialah menaik taraf sistem perparitan selain membuat benteng kekal di sepanjang anak sungai," katanya.

Menurutnya, pihak pemaju kondominium berkenaan turut memberikan kerjasama dengan membersihkan longkang apabila penduduk membuat laporan kepada mereka tetapi jelas sekali tindakan itu tidak mencukupi untuk menghalang banjir daripada berlaku.